

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) TAHUN 2026

KINI BOLEH DIAKSES DI PORTAL RASMI HASIL

CYBERJAYA, 1 JANUARI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Program Memfail Borang Nyata (BN) bagi Tahun 2026 telah dimuat naik di portal rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan BN pada tahun 2026. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikut langkah mudah berikut:

- i. Layari portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my;
- ii. Klik menu **Borang > Program Memfail Borang Nyata > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2026**; atau
- iii. Melalui capaian pantas di pautan berikut:
<https://www.hasil.gov.my/media/02mbu5fw/program-memfail-bn-bagi-tahun-2026.pdf>

Dalam usaha memudahkan proses pelaporan, majikan adalah digalakkan untuk mengemukakan butiran saraan dan potongan pekerja melalui e-C.P8D selewat-lewatnya pada **25 Februari 2026**. Maklumat saraan pekerja yang diterima akan digunakan bagi tujuan praisi ke dalam e-Borang pekerja (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT Tahun Taksiran (TT) 2025). Langkah ini bertujuan memudahkan proses e-Filing mulai **1 Mac 2026**. Pekerja boleh menyemak dan membuat pindaan terhadap data

praisi pada e-Borang mereka sekiranya terdapat perubahan sebelum borang ditandatangani dan dihantar.

Selain itu, mulai TT 2025 (asas tahun semasa), Sistem Taksir Sendiri (STS) diperkenalkan kepada entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan selaras dengan pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL 1990). Pelaksanaan STS ini dilaksanakan bagi menyeragamkan sistem taksiran cukai di Labuan supaya selari dengan sistem taksiran yang berkuat kuasa di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Dokumen tersebut boleh diakses melalui pautan pantas di <https://www.hasil.gov.my/borang/program-memfail-penyata-keuntungan-oleh-suatu-entiti-labuan-bagi-tahun-taksiran-2025-di-bawah-sistem-taksir-sendiri/>

Seiring dengan pelaksanaan keperluan pengemukaan dokumen di bawah Seksyen 82B ACP 1967 bagi pembayar cukai kategori Syarikat (C) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PT) mulai TT 2025, keperluan ini diperluaskan kepada pembayar cukai kategori Unit Amanah/Amanah Harta Tanah (TC), Koperasi (CS), Badan Amanah (TA) dan Amanah Pelaburan Harta Tanah/Tabung Amanah Harta (TR) mulai TT 2026.

Sebagai panduan dan rujukan, maklumat berhubung pelaksanaan Program Memfail Dokumen Yang Ditentukan di bawah Seksyen 82B ini boleh diakses melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/>.

HASiL komited untuk terus memperkasakan sokongan dan bimbingan kepada pembayar cukai bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab percukaian secara telus dan efisien.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Januari 2026